



Bidaah

Isu Kitar Semula

Syed Shahrman Syed Ali

Pensyarah Pusat Bahasa dan Pengajian Asasi, Universiti Sultan Azlan Shah

Secara umumnya, persoalan bidaah merupakan isu lama yang sering disegarkan dan diberikan “suntikan” baharu, bukan kerana timbul perkara baharu dalam urusan agama yang perlu diberikan hukum menurut kaca mata syarak. Hal ini muncul ekoran isu dan persoalan tersebut dibangkitkan semula dalam masyarakat atau dicanang oleh segelintir tokoh agama dan pendakwah yang mula mendapat perhatian dalam masyarakat.

Persoalan bidaah yang tidak ditangani dengan bijaksana dan berhemah akan menimbulkan kerancuan dan kekeliruan dalam masyarakat. Hal ini disebabkan tiada sikap berlapang dada dan kesediaan meraikan perselisihan pendapat dalam isu yang dibangkitkan. Api persengketaan semakin marak apabila tuduhan, seperti sesat, ahli bidaah dan kafir-mengkafir mula meniti di bibir. Situasi ini pastinya akan

memecahbelahkan masyarakat Islam yang sepatutnya bersatu padu. Entah di mana silapnya umat Islam seolah-olah hilang pertimbangan untuk menerima perbezaan pandangan yang tabii dalam kehidupan manusia.

Isu bidaah memperlihatkan silang pandangan dalam kalangan ulama bagi menentukan suatu hakikat. Perselisihan pandangan tentang makna dan tafsiran berhubung dengan istilah bidaah itu telah mengheret masyarakat awam untuk turut bertelagah lantaran para ilmuwan tidak sehaluan. Walaupun isu bidaah telah berlaku sejak zaman-berzaman, generasi demi generasi, namun generasi akhir zaman ini menyaksikan pergelutan yang membimbangkan tanpa noktah persefahaman hanya berpunca daripada satu perkataan, iaitu bidaah.

Islam sangat menentang perkara baharu yang direka dalam urusan agama yang tiada contoh sama ada secara langsung atau tidak langsung dari segi syarak. Hal ini telah disepakati oleh para ulama tanpa sebarang pertikaian ketika mendefinisikan maksud bidaah dari sudut bahasa. Dari sudut bahasa, bidaah bermaksud sesuatu perkara baharu yang dilakukan dan direka tanpa sebarang contoh yang sebelumnya sama ada berkait dengan urusan agama yang

merangkumi akidah, ibadat dan akhlak, atau urusan keduniaan dan kehidupan yang tiada kaitan langsung dengan agama.

Dari aspek hukum syarak, bidaah mencetuskan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama. Kekhilafan ini terjadi ekoran sudut pandang yang berbeza, iaitu dari sudut tafsiran teks nas, ruang dan juga skop untuk memahami bidaah. Menurut kajian Dr. Adul Ilah al-'Arfaj menerusi karyanya *Mafhum Bid'ah*, secara umumnya perbezaan ini berlaku ekoran para ulama yang membahaskan persoalan bidaah ini terbahagi kepada dua aliran, iaitu aliran yang meluaskan makna bidaah dan aliran yang menyempitkan makna bidaah.

Aliran ulama yang menyempitkan makna bidaah mendefinisikan bidaah sebagai setiap perkara baharu dalam agama yang tidak pernah berlaku pada zaman Nabi Muhammad SAW dan tidak wujud pada era sahabat dan *salaf al-soleh*. Kebanyakan ulama ini ialah ulama kontemporari di Arab Saudi. Bagi golongan ini, setiap perkara yang baharu dan direka dalam perkara agama dianggap bidaah yang dicela dan sesat, serta hukumnya haram.

Mereka berpegang pada sifat umum lafaz sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud "... setiap bidaah itu sesat" tanpa melihat pengkhususan dan pengkelasan bagi penentuan hukum mengikut keadaan dan suasana. Seluruh persoalan khilaf yang berputar dalam masalah bidaah hanya menjurus untuk dihukum benar atau sesat.

Sebarang tanggapan bahawa terdapat persoalan baharu dalam urusan agama yang tergolong dalam lingkungan yang dibenarkan oleh hukum syarak merupakan pendapat yang salah lagi menyeleweng. Maka itu, tidak hairanlah aliran ini menolak pembahagian bidaah

kepada bidaah hasanah (bidaah yang baik) dan bidaah *dalalah* atau *qabihah* (bidaah yang buruk).

Hal ini berbeza dengan aliran yang lebih terbuka, iaitu aliran yang meluaskan makna bidaah dan melihat isu bidaah atau perkara baharu dalam agama, khasnya dalam amalan bukan akidah, sebagai persoalan yang luas ruang lingkungannya. Bagi aliran ini, persoalan bidaah diatasi dengan begitu kritis. Menurut pandangan mereka, bidaah dibahagikan kepada bidaah hasanah dan bidaah *dalalah*. Bidaah hasanah ialah setiap perkara baharu dalam urusan agama yang menepati al-Quran dan sunah. Perkara baharu dalam agama yang menyalahi al-Quran dan sunah pula dilabel sebagai bidaah *dalalah*.

Pembahagian bidaah ini tidak direka sewenang-wenangnya oleh para ulama aliran ini. Mereka berpaksikan kefahaman daripada hadis yang diriwayatkan daripada Aisyah r.anha, bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Sesiapa yang mengada-adakan sesuatu yang baharu dalam urusan kami (agama) sedangkan bukannya berkaitan dengan urusan kami (agama) maka perkara itu tertolak". (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Dalam erti kata lain, segala perkara yang baharu dan yang direka-reka akan tertolak jika menyalahi syariat. Jika bertepatan dan masih di bawah perlindungan syariat, maka diterima meskipun tiada pada zaman Rasulullah SAW, sahabat dan para *salaf al-soleh*.

Lebih jelas lagi, para ulama dalam aliran ini menetapkan hukum bidaah kepada lima pembahagian hukum, iaitu wajib, sunat, harus, makruh atau haram. Jumhur ulama Ahli Sunah Waljamaah menerima pembahagian bidaah yang masyhur diungkapkan oleh

Islam sangat menentang perkara baharu yang direka dalam urusan agama yang tiada contoh sama ada secara langsung atau tidak langsung dari segi syarak.

Imam 'Izz al-Din bin Abd al-Salam menerusi karyanya *Qawa'id al-Ahkam*. Hal ini dijelaskan lagi oleh Imam al-Nawawi yang menyatakan bahawa perkara bidaah hendaklah dirujuk kepada landasan kaedah syarak (*qawa'id al-syariah*). Jika berada pada landasan kaedah yang wajib, maka hukumnya wajib. Jika berada pada landasan hukum yang haram, maka hukumnya haram dan begitu sahaja selanjutnya.

Tulisan ini bukan bertujuan untuk mengadili benar atau salah antara dua aliran ini. Pasti sukar bagi pendukung setiap aliran untuk merendahkan keegoan masing-masing lantaran kedua-dua aliran ini ada sandaran dan hujah yang diyakini benar. Perbincangan ini ingin mengajak pembaca merenung dan menilai sendiri antara kedua-dua aliran ini yang mana lebih sesuai untuk diterima dan diamalkan dalam kehidupan beragama bagi umat Islam tanpa mengira tempat dan zaman mereka hidup.

Hakikat yang tidak dapat disangkal oleh sesiapa pun ialah isu bidaah yang diperkatakan hari ini kebanyakannya berlegar dalam persoalan *khilafiyah* (perbezaan) dan telah ditangani oleh para ulama di dunia Islam sejak beberapa generasi pula. Malah, dalam beberapa persoalan bidaah yang ditangani secara ketat oleh aliran yang menyempitkan makna bidaah, mereka turut berbeza pandangan untuk menetapkan hukumnya. Persoalannya, mengapakah berlaku hal yang demikian lantaran para ulama ini berada di bawah bumbung aliran yang sama dan berpegang pada kaedah penentuan hukum yang sama?

Sebagai contoh, dalam masalah hukum mengadakan majlis kenduri arwah, Syeikh Muhammad bin 'Uthaimin menyatakan bahawa amalan ini tergolong dalam bidaah yang tiada asal daripada hukum syarak. Namun begitu, menurut Syeikh Abdul Aziz bin Baz, Syeikh Salih al-Fawzan dan Syeikh Abdullah bin Jabrain, amalan ini harus dan menepati syarak. Begitu juga amalan, seperti memulakan majlis keraian dengan membaca al-Quran, mencium mashaf al-Quran, pertandingan menghafal al-Quran dan menggunakan alat tasbeih untuk menghitung zikir.

Semua amalan ini ada khilaf atau perbezaan pandangan untuk menetapkan hukumnya dalam kalangan ulama. Ada yang menyatakan perkara tersebut bidaah yang haram dan ditegah melakukannya. Segelintir pula mengharuskannya tanpa tegahan. Mengapakah berlaku perbezaan untuk menentukan hukum dalam isu tersebut? Bukankah persoalan yang ditangani itu dianggap bidaah kerana tiada contoh dilakukan pada zaman Rasulullah SAW? Sewajarnya, isu ini diputuskan bidaah yang buruk dan sesat tanpa kompromi.

Jika diteliti kedua-dua aliran ini, ternyata aliran yang meluaskan makna bidaah lebih tekal memutuskan hukum dalam persoalan dan isu yang tiada contoh pada zaman Rasulullah SAW. Dengan membahagikan perkara bidaah kepada bidaah yang baik dan bidaah yang buruk, permasalahan isu baharu yang dikaitkan dengan amal ibadat yang baharu dapat ditangani dengan tuntas. Lebih jelas

lagi hukum bidaah tersebut dapat dikategorikan secara terperinci sama ada tergolong dalam hukum wajib, haram, sunat, makruh atau harus. Semua kategori hukum diputuskan menurut kaedah penetapan hukum yang telah disepakati. Panduan dan contoh yang mengisyaratkan semua perkara ini, diambil daripada sumber Rasulullah SAW dan ijihad para sahabat.

Dalam perkataan lain, bukanlah semua persoalan baharu itu direka tanpa petunjuk untuk dijadikan panduan dan contoh. Hal ini berlaku dalam kalangan para sahabat sama ada ketika Rasulullah SAW masih hidup mahupun selepas kewafatan Baginda. Lebih mengejutkan, kebanyakan perkara baharu ini dilakukan oleh para sahabat tanpa merujuk terlebih dahulu hukum perbuatan tersebut sama ada sebelum atau selepas melakukannya walhal mereka boleh bertanya secara langsung dengan mudah. Mereka secara sengaja berjihad dalam masalah tersebut. Selepas masalah tersebut diselesaikan atau dilakukan baharulah diajukan kepada Baginda untuk diperakukan.

Antara contoh yang masyhur termasuklah amalan Bilal bin Rabah r.a. yang melazimkan solat dua rakaat selepas berwuduk dan selepas melaungkan azan tanpa merujuk Rasulullah SAW. Begitu juga amalan beberapa orang sahabat yang membaca *Surah al-Ikhlâs* sahaja dalam setiap rakaat dalam solat (rakaat pertama dan kedua) dan kisah seorang sahabat yang sengaja menambah bacaan zikir ketika bangun daripada rukuk yang tidak diajar oleh Baginda.

Elakkanlah mengitar semula isu yang sudah diputuskan dan menjadi amalan umum masyarakat yang tidak bercanggah dengan syariat.

Jika situasi tersebut dikatakan berlaku ketika Rasulullah SAW masih hidup dan kemudian itu mendapat takrir, iaitu pengakuan dan kebenaran daripada Baginda, bagaimana pula amalan selepas Baginda wafat seperti yang dilakukan oleh segelintir para sahabat lain? Umpamanya, Saiyidina Umar bin al-Khattab r.a. merupakan orang pertama menjadikan solat tarawih dilakukan dalam satu jemaah. Pada zaman Umar juga bermulanya laungan takbir hari raya secara kuat. Pada ketika zaman Uthman bin 'Affan r.a. menjadi khalifah, azan dilaungkan sebanyak dua kali pada hari Jumaat, iaitu sekali sebelum masuk waktu dan diikuti sekali lagi ketika masuk waktu solat Jumaat.

Amalan ini antara contoh perkara baharu dalam ibadat yang pernah berlaku sama ada pada zaman Baginda atau selepasnya. Hal ini menunjukkan bahawa para sahabat memahami maksud sebenar konsep bidaah. Selagi masih dinaungi panduan syariat, maka amalan itu boleh diamalkan meskipun tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW. Walaupun ketika itu mereka tidak membahagikan secara nyata bidaah *hasanah* atau bidaah *dalalah*, namun secara praktikalnya amalan tersebut diterima.

Hal ini agak berbeza jika dibandingkan dengan aliran yang menyempitkan makna bidaah. Jika diamati, terdapat perbezaan dalam kalangan mereka untuk menetapkan sesuatu hukum yang baharu menurut kaedah yang diputuskan oleh sebahagian ulama mereka. Yang jelas, tidak semua

perkara baharu dalam amalan yang tidak berkaitan dengan akidah dikategorikan sebagai amalan bidaah yang salah dan haram. Maka itu, tidak semua perkara yang dianggap bidaah itu haram dan tidak menepati syarak. Buktinya apabila wujud kekhilafan atau perbezaan dalam hukum dan fatwa yang diputuskan dalam kalangan ulama mereka.

Jika pegangan asal mereka dijadikan sandaran pengeluaran hukum, sudah pasti kekhilafan ini tidak berlaku. Pada hakikatnya, definisi bidaah yang dipegang oleh aliran ini menjadi satu istilah yang mudah diputuskan dari segi teori, tetapi tidak mudah dipraktikkan hukumnya terhadap sesetengah perkara baharu yang dikatakan sebagai bidaah. Jika tidak, sudah pasti semua hukum diputuskan senada dan tiada percanggahan hukum dan fatwa dalam kalangan ulama mereka sendiri.

Tuntasnya daripada perbincangan ini, persoalan bidaah atau tidak sesuatu amalan yang dianggap baharu perlulah dirujuk kepada pandangan jumhur ulama. Kekhilafan segelintir ahli ilmu untuk memutuskan sesuatu hukum perlulah ditangani dengan berhikmah. Para pendakwah dan ahli ilmu yang mempunyai kecenderungan aliran yang berbeza wajar mengutamakan pandangan jumhur dan yang diputuskan oleh pihak berautoriti agama atau pemerintah. Elakkanlah mengitar semula isu yang sudah diputuskan dan menjadi amalan umum masyarakat yang tidak bercanggah dengan syariat. ●